

KHUTBAH JUMAAT

“GURU TUNJANG SEKOLAH SEJAHTERA”

(20 Mei 2022M/ 19 Syawal 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan orang-orang yang dikasihi oleh Allah dan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari Jumaat di bulan Syawal yang penuh keberkatan ini akan membicarakan khutbah bertajuk: ‘**Guru Tunjang Sekolah Sejahtera’**.

Muslimin yang dirahmati sekalian,

Kita semakin menghampiri penghujung Syawal. Semoga kita istiqamah dalam ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Pada 16 Mei yang lalu, Sambutan Hari Guru disambut pada bulan Syawal yang penuh dengan kerahmatan dan keberkatan. Betapa besarnya jasa dan pengorbanan guru sebagai pendidik, pewaris tugas para

rasul terdahulu, pewaris Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam*. Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam* diutuskan ke dunia untuk membawa rahmat kepada sekalian alam. Baginda adalah teladan terbaik warga pendidik dan seluruh manusia sepanjang zaman. Semoga ianya mendorong para guru untuk terus memperjuang dan mempertingkat kualiti dalam mendidik anak-anak kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anbiya', ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

Maksudnya: "Dan tidak Aku utuskan engkau wahai Muhammad kecuali untuk membawa rahmat ke seluruh alam"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama menginsafi bahawa kedudukan kita pada hari ini bermula dari seorang guru yang ikhlas mendidik dan mencurahkan ilmu. Hasil didikan mereka maka lahirlah insan-insan mulia yang mampu membina kemajuan dan ketamadunan ummah. Dalam Islam, guru mempunyai kedudukan yang sangat mulia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mujadalah, ayat 11:

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۝
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ .

Maksudnya: “Allah meninggikan darjat orang-orang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”

Kedudukan guru yang mulia, sekaligus menjadikan mereka tunjang utama dalam merealisasikan kesejahteraan diri insan yang dipimpinnya. Gelaran obor hemah kepada guru menggambarkan tentang kemuliaan, keikhlasan, pengorbanan, tanggungjawab, cabaran, peranan dan komitmen dalam dunia pendidikan.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Tugas seorang guru merupakan tugas yang mencabar dalam melaksanakan tugas mendidik dan melahirkan modal insan yang menjadi aset penting kepada negara dan ummah. Selain mengajar ilmu, guru perlu menghadapi personaliti, bentuk pemikiran dan kemahiran murid yang unik dan pelbagai, lebih-lebih lagi zaman digital dan media sosial yang mencabar ini. Penerapan nilai murni dan sahsiah terpuji dengan erti kata lain iaitu adab dan akhlak merupakan elemen terpenting bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

Guru menjadi tunjang terpenting dalam sistem pendidikan negara kerana mereka berperanan memastikan murid yang lahir daripada sistem pendidikan negara mempunyai sahsiah dan berdaya saing melalui penjiwaan amalan baik diterapkan di sekolah secara semula jadi. Dalam rangka mewujudkan persekitaran pembelajaran di dalam dan luar kelas untuk dijadikan amalan dalam kehidupan

murid, guru berperanan ke arah penerapan 14 elemen SEJAHTERA yang merupakan akronim penggabungan 14 elemen sifat terpuji iaitu S (selamat, seronok dan sihat); E (etika dan empati); J (jati diri); A (adab sopan); H (harmoni); T (tekun, teliti, dan terampil); E (eksplorasi); R (rasional) dan A (artikulasi).

Sifat-sifat terpuji ini perlu disemai kepada setiap pelajar. Guru bukan sekadar mengajar ilmu bersifat teori tetapi yang lebih penting adalah menyemai sifat terpuji ini dan akhirnya berkembang membentuk peribadi mulia berpandukan teladan yang agung iaitu Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam* agar ianya dicontohi oleh mereka yang berada dalam lingkungan masing-masing.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dengan memahami konsep ini, seorang pendidik perlu memperbaiki, memimpin dan mentadbir pelajar secara kasih sayang sikap lembut dan hikmah sebagaimana Allah subhanahu wata'ala menyeru Nabi Musa dan Nabi Harun 'alaihimassalam supaya berdakwah kepada Firaun dengan lemah lembut. Firman-Nya dalam Surah Taha ayat 43-44:

أذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ . فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْسَنَا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ .

Maksudnya: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut.”

Guru bukan hanya mengembangkan potensi pelajar bahkan menjadi contoh teladan kepada mereka. Curahan ilmu, kelembutan dan keikhlasan para guru menjadi penyemarak semangat pelajar untuk terus berjaya pada masa akan datang. Ya Allah, permudahkanlah urusan mereka dalam mendidik anak-anak kami.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Memang tidak dapat dinafikan, para guru mampu mengembalikan sinar masa hadapan bangsa yang baharu. Ianya tidak akan tercapai jika anak-anak murid tidak menghormati guru yang akhirnya membawa kepada hilangnya keberkatan ilmu. Mimbar menyeru kepada semua yang bergelar murid, pelajar, mahasiswa dan semua kita yang berada dalam rumah Allah yang mulia ini, mengambil berat soal adab murid terhadap gurunya.

Bagaimanakah adab seorang murid kepada gurunya? Antara intipati dari kitab ‘Bidayatul Hidayah’ karya Imam Ghazali berkaitan adab murid terhadap gurunya ialah memberi salam terlebih dahulu apabila menemui gurunya sama ada di dalam kelas mahupun di luar, bercakap perkara yang perlu sahaja di hadapan guru dan tidak berlebih-lebihan, bercakap setelah gurunya bertanya kepadanya, bertanya kepada guru setelah mendapat izin darinya, menghormati apa jua isi pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Selain itu, antara lain, sebagai murid, mereka tidak berhak merasakan diri mereka lebih baik dari guru lalu menyanggahinya, tidak berbisik dan bercakap dengan kawan di sebelahnya semasa guru memberi pengajaran, fokus kepada pengajian dan tidak

berpaling ke kiri dan ke kanan serta tenang dan beradab, mengenalpasti keadaan guru sama ada dalam keadaan selesa dan tidak letih atau sebaliknya sebelum menanyakan soalan, berdiri tanda hormat apabila gurunya datang dan apabila gurunya berdiri meninggalkan kelas setelah selesai pengajian, tidak melanjutkan soalan dan percakapan setelah guru bangun meninggalkan kelas kerana selesai pengajian dan semasa pertengahan jalan, sentiasa berbaik sangka terhadap guru dalam setiap perkara yang tidak menyalahi urusan agama.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Guru mengorbankan masa, tenaga, malah wang ringgit demi mendidik kita sehingga berjaya. Mereka tidak minta dihormati, tetapi adalah tanggungjawab kita untuk menghormati dan menjaga adab terhadap guru. Guru sentiasa mengharapkan agar anak didik mereka menjadi insan yang beradab dengan Allah *subhanahu wata'ala*, dengan ibu bapa mereka sendiri dan sekalian makhluk Allah serta mengharapkan titipan doa kesejahteraan untuk mereka.

Bermula dengan adab, maka lahirlah mereka yang berjiwa besar. Mereka yang berjiwa besar adalah mereka yang meneladani peribadi Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam* yang bersifat rahmat ke atas umatnya. Jiwa mereka hidup dan semangat mereka membara untuk berkhidmat kepada Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam* sebagai idola dan panutan dan berkhidmat kepada umatnya tanpa mengira apa jua agama, keadaan dan status, lebih-lebih lagi berkhidmat dengan orang-orang beriman. Dengan adab

maka terzahirlah sifat prihatin terhadap umat seperti ikhlas membantu, jiwa yang sentiasa ingin melindungi orang yang lemah, meringankan bebanan dan kesukaran orang lain. Dalam masa yang sama, maka terbitlah rasa hormat menghormati dan berkasih sayang sesama manusia, mengutamakan orang-orang lain lebih daripada diri mereka sendiri, pemurah dan sebagainya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kerjasama, permuafakatan, jalinan hubungan yang mantap dan akrab daripada semua pihak termasuk ibu bapa melalui Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), persatuan alumni sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta dengan guru dan pihak sekolah, sedikit sebanyak dapat menjana idea dan merungkai permasalahan yang dihadapi kerana tugas membentuk akhlak dan kecemerlangan sahsiah para pelajar adalah tugas dan peranan kita semua.

Mimbar yakin, segala usaha untuk mengukuhkan lagi matlamat yang dihasratkan akan tercapai selagi kita meletakkan di hadapan, redha Allah dan Rasul-Nya serta ketaatan atas segala titah perintah dengan rasa ikhlas dan kasih sayang. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru hadirin sekalian untuk sama-sama menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan. Semoga ianya dijadikan pedoman dalam kehidupan. Antaranya ialah:

Pertama: Guru menjadi tunjang terpenting dalam institusi pendidikan. Mereka sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menyampaikan ilmu;

Kedua: Rasulullah *sallallahu ‘alaihiwasallam* merupakan contoh teladan terbaik untuk para guru dalam mendidik;

Ketiga: Kita wajib menghormati guru dan meletakkan mereka pada martabatnya yang mulia kerana ia adalah tuntutan agama;

Dan yang **terakhir:** Semua pihak perlu berganding bahu dalam memartabatkan pendidikan dalam usaha membentuk murid mempunyai jati diri dan akhlak yang terpuji.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sempena sambutan Hari Guru tahun ini, mimbar ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan yang kepada seluruh warga pendidik atas usaha bakti yang dicurahkan, yang telah banyak berjasa mendidik kami dan anak-anak kami. Ya Allah, ampunkanlah dosa mereka yang hidup mahupun yang telah meninggal dan memperoleh kejayaan yang dunia abadi iaitu syurga-Mu dan melihat-Mu.

Kurniakanlah mereka yang masih hidup dengan ketabahan, kesihatan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Mengakhiri khutbah, hayatilah firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-Ahzab, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقْدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا .

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak berzikir menyebut Allah.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَرَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Perlu diingatkan bahawa kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Walaupun pelbagai kelonggaran telah diberikan, mimbar terus menyeru agar kita terus berwaspada dan melakukan kawalan kendiri dengan sebaik-baiknya serta mematuhi garis panduan, saranan, galakan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dn musibah daripada kita.

Mimbar turut menyeru, teruskanlah semangat Ramadan yang tertanam di jiwa dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal sebagaimana yang digalakkan kepada kita untuk melakukannya. Sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang berbunyi:

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ))

Maksudnya: “Sesiapa yang berpuasa *Ramadan*, dan diikuti dengan enam hari di bulan *Syawal*, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.”

Riwayat Imam Muslim

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمَاهَا الَّذِينَ إِمَانُهُمْ أَصَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ٥١
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمَيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَأْشِفْ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرْضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمُ يَذْكُرُكُمْ. وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.